SELANGOR

ENAKMEN No. 14 tahun 2001

ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR 2001

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Meterai Lembaga.
6. Fungsi dan kuasa Lembaga.
7. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.
8. Perwakilan.
9. Arahan-arahan oleh Menteri dan Pihak Berkuasa Negeri.
10. Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri.
11. Pembentangan projek-projek kepada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN III

PENGARAH EKSEKUTIF DAN PEKERJA LEMBAGA

12. Pelantikan Pengarah Eksekutif dan pekerja lain.
13. Tugas Pengarah Eksekutif.

Seksyen

14. Lembaga menentukan syarat-syarat perkhidmatan.

15. Tatatertib.

16. Penzahiran kepentingan.

17. Lembaga boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

18. Penubuhan jawatankuasa.

19. Pewakilan fungsi atau kuasa Lembaga kepada mana-mana jawatankuasa.

20. Pekhidmat awam untuk tujuan Kanun Keseksaan.

21. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

22. Penubuhan Kumpulan Wang.

23. Hadiah.

24. Kuasa untuk meminjam.

25. Kewangan.

26. Pinjaman dan biasiswa kepada pekerjanya.

27. Sekatan pemberian bantuan kewangan, pelaburan, dsb.

28. Pelaburan wang yang tidak dibelanjakan.

29. Aset tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran.

30. Penyimpanan akaun.

31. Tahun kewangan dan akaun beraudit.

32. Siasatan terhadap akaun.

33. Laporan Tahunan.

BAHAGIAN V

PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

34. Tanggungjawab untuk pembangunan perumahan dan hartanah dalam Negeri.

35. Pemberian maklumat oleh pemaju perumahan.

Seksyen

36. Pendaftaran orang yang menjalankan pembangunan hartanah.
37. Lembaga boleh mengusir dan mengambil alih harta.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

38. Pemberian maklumat oleh pemaju hartanah atau penghuni.
39. Menghalang suatu kesalahan.
40. Hak akses.
41. Perlindungan daripada tanggungan peribadi.
42. Penggulungan.
43. Peraturan.
44. Kesalahan dan penalti am.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

SELANGOR

ENAKMEN No. 14 tahun 2001

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN) SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

5 Disember 2001

Suatu Enakmen bagi menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan perkara-perkara berhubungan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

"hartanah" ertinya mana-mana tanah yang dibina atasnya sebarang bangunan untuk aktiviti komersil;

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV;

"Lembaga" ertinya Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Perdana Menteri atau mana-mana Menteri seperti yang ditetapkan olehnya;

"Negeri" ertinya Negeri Selangor.

Akta 118.

"pemaju berlesen" ertinya pemaju yang dilesenkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan) 1966;

"pembangunan perumahan" ertinya pembinaan atau menyebabkan dibina lebih dari empat yunit perumahan di atas mana-mana tanah untuk dijual;

"penghuni yang dibenarkan" ertinya seorang yang dinamakan dalam sesuatu permohonan yang dibuat kepada Lembaga sebagai orang yang ingin menduduki rumah, apartmen atau kediaman lain itu yang telah dijual atau akan dijual oleh Lembaga atau mana-mana orang yang dibenarkan secara bertulis oleh Lembaga untuk menduduki rumah yang berkenaan itu;

"Pengarah Eksekutif" ertinya ketua pegawai eksekutif Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 12 dan termasuklah mana-mana pegawai yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Eksekutif;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah Timbalan Pengerusi serta mana-mana Pengerusi sementara semasa menjalankan tugas-tugas sebagai Pengerusi;

"perbadanan" ertinya sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

"perumahan" termasuk apa jua rumah, apartmen, bangunan atau struktur atau mana-mana bahagiannya (sama ada siap atau sebaliknya) yang digunakan atau mempunyai niat digunakan sebagai kediaman;

"perumahan awam" ertinya mana-mana rumah, apartmen atau kediaman lain, termasuk sebarang pembangunan perumahan atau bahagiannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;

"pihak berkuasa awam" ertinya mana-mana pihak berkuasa yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi mana-mana pihak berkuasa itu;

"rumah kos rendah" ertinya mana-mana rumah, apartmen atau kediaman lain yang harga penjualannya ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Dalam Enakmen ini rujukan kepada apa-apa rumah, apartmen atau kediaman lain hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk rujukan kepada tanah bersama rumah, apartmen atau kediaman lain itu.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

Penubuhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor" adalah ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang didapatinya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Lembaga.

Keanggotaan Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut:

(a) Menteri Besar yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Setiausaha Kerajaan Negeri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;

(c) tiga orang wakil dari Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

(d) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri;

(e) seorang wakil dari pemaju-pemaju perumahan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan

(f) dua orang wakil dari pertubuhan-pertubuhan profesional berkaitan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga selain dari sesiapa yang disebut di dalam perenggan-peranggan *(c)* dan *(d)* hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Ahli-ahli Lembaga bolehlah dibayar saraan atau elaun seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Peruntukan-peruntukan di dalam Jadual Pertama adalah terpakai berkenaan dengan Lembaga dan ahli-ahlinya.

Meterai Lembaga.

5. (1) Meterai perbadanan bagi Lembaga hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan bagi Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan di dalam jagaan Pengarah Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan yang disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), apa-apa dokumen atau surat cara yang disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana anggota, pekerja atau ejen Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan bagi Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Fungsi dan kuasa Lembaga.

6. (1) Fungsi Lembaga adalah untuk menggalakkan dan melaksanakan pembangunan perumahan dan hartanah dan secara khusus untuk—

(a) memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah;

(b) memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah secara am dan secara khusus perumahan awam dan kos rendah;

(c) melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Pihak Berkuasa Negeri;

(d) membangun, menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, panduan-panduan, piawai-piawai, cara-cara dan langkah-langkah mengenai pembangunan, pengurusan dan peruntukan perumahan awam dan kos rendah;

(e) menjalankan peranan penyelarasan antara ejensi untuk membolehkan kemajuan dan pelaksanaan pembangunan perumahan dan hartanah secara pesat;

(f) merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan, pelaksanaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah;

(g) membolehkan penubuhan dan operasi tabung-tabung amanah dan untuk meletakhak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti di tabung-tabung itu;

(h) mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan kawasan-kawasan perumahan termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat-tempat dan alat-alat di kawasan-kawasan tersebut;

(i) menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian dan pembangunan di dalam semua aspek perumahan dan hartanah dan secara khusus mengenai perumahan awam dan kos rendah;

(j) mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang;

(k) menjadi pusat sumber dan maklumat untuk industri perumahan dan hartanah; dan

(l) menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi atau yang berkaitan untuk menjalankan fungsi-fungsinya dan khusus bagi—

(a) mengendalikan, tinjauan, membuat kajian dan mengumpul maklumat untuk penyediaan pelan-pelan pembangunan dan pengurusan bagi perumahan dan hartanah;

(b) mengadakan suatu daftar mana-mana orang yang menjalankan pembangunan perumahan dan hartanah;

(c) memutuskan, menerima pakai dan melaksanakan piawai-piawai, panduan-panduan dan tindakan-tindakan lain untuk memastikan mutu pembangunan perumahan dan hartanah;

(d) merancang dan melaksanakan pembangunan perumahan dan hartanah dan sebarang kerja yang berhubungan dengannya;

(e) tertakluk kepada mana-mana undang bertulis, merumus dan melaksanakan caj-caj dan fi penyelenggaraan dan lain yang berkaitan untuk perumahan dan hartanah dan penggunaan kemudahan-kemudahan disitu;

(f) merumus dan melaksanakan tindakan-tindakan untuk memastikan bahawa pengurusan dan penyelengaraan sebarang bangunan atau kerja di dalam mana-mana pembangunan perumahan atau hartanah adalah dilaksanakan mengikut apa-apa undang-undang bertulis;

(g) menetapkan dan mengenakan fi, bayaran, faedah dan caj-caj lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa di bawah Enakmen ini;

(h) membina, menyelenggara, membaiki, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan atau kerja-kerja di dalam mana-mana rancangan perumahan atau hartanah;

(i) melantik atau menggaji ejen-ejen, penasihat teknikal, konsultan, kontraktor atau orang lain untuk mengendalikan apa-apa perniagaan atau mengadakan perjanjian untuk menjalankan mana-mana fungsi atau tanggungjawabnya atau untuk perkongsian keuntungan atau usahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang;

(j) menjalankan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kajian dan latihan untuk pembangunan perumahan dan hartanah termasuk melantik mana-mana orang atau badan untuk menjalankan kajian atau latihan tersebut;

Akta 118.

(k) tertakluk kepada Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan) 1966, salvaj, memperolehi, menyelamat, menyerah hak semula atau menghendaki mana-mana pemaju perumahan

atau hartanah atau ejensi awam untuk salvaj, menyelamat atau menyerah hak semula sebarang pembangunan perumahan atau hartanah yang terbengkalai atau yang terlalu lewat;

(l) menetapkan dasar-dasar dan panduan-panduan bagi memperuntukkan rumah-rumah di sebarang pembangunan perumahan kepada pembeli-pembeli dan melaksanakan dasar-dasar dan panduan-panduan itu;

(m) memperolehi melalui pembelian, hadiah, suratikatan, amanah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;

(n) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan atau dibuat di dalam pelaksanaan tugas-tugasnya atau untuk melaksanakan secara lebih berkesan tujuan-tujuan Enakmen ini; dan

(o) melaksanakan semua fungsi dan kuasa dan menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

7. Lembaga bolehlah dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri, menubuhkan suatu perbadanan menurut Jadual 2 untuk membangunkan dan mempunyai tanggungjawab, pengendalian dan pengurusan mana-mana rancangan perumahan pada melaksanakan tugas-tugas dan fungsinya di bawah seksyen 6.

Perwakilan.

8. (1) Lembaga bolehlah, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang didapati patut dikenakan, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa, jawatankuasa kecil, pihak berkuasa awam atau Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Pengarah Eksekutif kuasa serta

kebenaran untuk melaksanakan bagi pihaknya mana-mana fungsi, tanggungjawab dan kuasa yang ditentukan oleh Lembaga untuk dilaksanakan di dalam atau di luar Negeri kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan dan sebarang fungsi, tugas atau kuasa yang telah diwakilkan boleh dilaksanakan atau dilakukan di atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Tanpa prejudis kepada keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Pengarah Eksekutif atau mana-mana ahlinya, pegawai, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil kuasa untuk membenarkan perbelanjaan dari Tabung atau sebarang wang lain di bawah kawalan Lembaga sehingga satu had yang disebutkan oleh Lembaga dalam kes itu.

Arahan-arahan oleh Menteri dan Pihak Berkuasa Negeri.

9. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan kepada Lembaga arahan-arahan yang perlu yang bersifat am yang bukan tak konsisten dengan peruntukan Enakmen ini atau arahan dari Menteri di bawah subseksyen (2), dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan-arahan itu.

(2) Menteri boleh memberi kepada Lembaga apa-apa arahan yang perlu diikuti di dalam penjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Lembaga hendaklah memberi kesan kepada arahan-arahan itu.

(3) Tambahan kepada tugas-tugas yang dikenakan ke atas Lembaga di bawah Enakmen ini, Lembaga boleh menjalankan apa-apa fungsi lain, melaksanakan apa-apa kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberi kepadanya oleh Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa, setelah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, dan dalam melakukan yang demikian Lembaga hendaklah disifatkan sebagai menunaikan maksud Enakmen ini.

Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri.

10. Lembaga hendaklah membekalkan sebarang penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan harta dan kegiatannya seperti yang diperlukan atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

Pembentangan projek-projek kepada Pihak Berkuasa Negeri.

11. Lembaga hendaklah dari semasa ke semasa menyediakan dan membentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri cadangan-cadangan, pelan dan projek yang menunjukkan bidang kerja yang dicadangkan dilaksanakan dan Pihak Berkuasa Negeri bolehlah menolak, meminda atau meluluskan mana-mana cadangan, pelan atau projek itu atau sebahagian darinya.

BAHAGIAN III

PENGARAH EKSEKUTIF DAN PEKERJA LEMBAGA

Pelantikan Pengarah Eksekutif dan pekerja lain.

12. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang Pengarah Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Pelantikan Pengarah Eksekutif hendaklah dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Jika pada sesuatu tempoh Pengarah Eksekutif atas apa-apa sebab tidak boleh menjalankan kuasa dan tugas jawatannya Lembaga boleh melantik orang lain yang layak dan wajar untuk bertindak sebagai Pengarah Eksekutif.

(4) Lembaga boleh melantik atas apa-apa terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu beberapa orang pekerja untuk melaksanakan maksud Enakmen ini.

Tugas Pengarah Eksekutif.

13. Pengarah Eksekutif hendaklah—

(a) bertanggungjawab untuk pentadbiran dan pengurusan Lembaga yang patut;

(b) bertanggungjawab untuk penyediaan dasar-dasar, pelan-pelan, program-program, skim-skim atau projek-projek untuk pertimbangan Lembaga;

(c) bertanggungjawab untuk melaksanakan, menyelia dan mengawal kesemua keputusan dasar, pelan, program, skim dan projek yang diluluskan oleh Lembaga;

(d) menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas kesemua pekerja Lembaga; dan

(e) melakukan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa seperti yang dari semasa ke semasa ditetapkan atau diwakilkan oleh Lembaga atau sebagaimana diarah oleh Pengerusi.

Lembaga menentukan syarat-syarat perkhidmatan.

14. (1) Pekerja Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tertentu, menerima saraan, fi dan elaun serta tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Seseorang pekerja lembaga hendaklah tidak menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi dengan sebab kedudukannya sebagai seorang pekerja lembaga untuk mendapat apa-apa faedah tidak wajar sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain atau menyebabkan kerugian kepada lembaga.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk menentukan syarat-syarat perkhidmatan pekerjanya.

Tatatertib.

15. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan berkenaan dengan semua orang yang sedemikian menurut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) (Selangor) 2001.

En. Sel. 8/2001.

Penzahiran kepentingan.

16. (1) Seseorang anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota

keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan selepas penzahiran itu, anggota itu—

(a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga atau jawatankuasa, boleh ditaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

(a) "anggota keluarga", berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, termasuklah—

(i) suami atau isterinya;

(ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);

(iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);

(iv) adik beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan

(v) suami atau isteri anaknya atau adik beradiknya; dan

(b) "sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, ertinya—

(i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;

(ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;

(iii) pekongsi anggota itu;

(iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi benefisiarinya; atau

(v) mana-mana perbadanan, mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

Akta 125.

Lembaga boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

17. Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Penubuhan jawatankuasa.

18. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang didapati patut oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi.

(5) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh melantik mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri, dan pada menjalankan kuasanya jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(6) Syarat-syarat yang terkandung di dalam Jadual 3 adalah *mutatis mutandis* dipakaikan kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.

Pewakilan fungsi atau kuasa Lembaga kepada mana-mana jawatankuasa.

19. (1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 sebagaimana yang disifatkannya perlu atau wajar.

(2) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khas oleh Lembaga; dan

(b) hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa itu atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Pekhidmat awam untuk tujuan Kanun Keseksaan. *Akta 574.*

20. Semua anggota Lembaga dan jawatankuasanya dan semua pekerja dan ejen Lembaga semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pekerja atau ejen itu hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948. *Akta 198.*

21. (1) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

(2) Tiada perkara atau benda dilakukan dan tiada perjanjian yang dimasuki oleh Lembaga dan tiada perkara atau benda dilakukan oleh anggota, pekerja atau ejen Lembaga yang bertindak di bawah arahan Lembaga, sekiranya perkara atau benda dilakukan atau perjanjian itu dilakukan secara *bona fide* untuk tujuan Enakmen ini, akan mendedahkan anggota, pekerja atau ejen kepada Lembaga kepada apa-apa tindakan undang-undang,

tanggungjawab atau tuntutan, dan segala perbelanjaan oleh Lembaga atau mana-mana anggota, pekerja atau ejen yang berkenaan hendaklah dibayar oleh Lembaga dengan wang dari Tabung.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Penubuhan Kumpulan Wang.

22. Untuk tujuan Enakmen ini maka adalah ditubuhkan suatu Tabung, selepas ini disebutkan sebagai "Tabung itu", yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga—

(a) Tabung itu hendaklah terdiri daripada—

(i) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;

(ii) apa-apa jumlah wang yang diagihkan dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada hasil pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri;

(iii) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa dipinjam oleh Lembaga bagi tujuan memenuhi obligasi atau menunaikan mana-mana fungsi dan kuasanya;

(iv) wang yang diperolehi Lembaga daripada mana-mana projek, skim atau rancangan yang dibiayai melalui Tabung itu;

(v) wang yang diperolehi atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletakhak pada Lembaga;

(vi) apa-apa fi atau caj lain yang dikenakan dan dipungut oleh Lembaga; dan

(vii) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletakhak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya.

(b) Tabung itu hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud yang berikut—

(i) semua perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal yang ditanggung oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya;

(ii) wang untuk membayar balik pinjaman yang diberi kepada Lembaga di bawah kuasa meminjamnya;

(iii) saraan, fi dan ganjaran pekerja, ejen dan penasihat teknikal serta penasihat lain Lembaga, termasuk pinjaman yang diberi kepada pekerja; dan

(iv) apa-apa subsidi atau kemudahan kredit yang diberi oleh Lembaga mengikut kuasanya di bawah Enakmen ini.

Hadiah.

23. Lembaga bolehlah menerima apa-apa hadiah yang diberi kepada Lembaga bagi segala atau mana-mana daripada maksud yang dinyatakan dalam Enakmen ini dan, tertakluk kepada syarat-syarat mengenai mana-mana hadiah itu, boleh menggunakannya bagi maksud-maksud itu mengikut peruntukan Enakmen ini.

Kuasa untuk meminjam.

24. Tertakluk kepada seksyen 27 Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminjam atas apa-apa terma dan apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

Kewangan.

25. (1) Perbelanjaan Lembaga, setakat had amaun yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut subseksyen (2) pada mana-mana satu tahun, hendaklah dibayar daripada Tabung itu.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum permulaan Julai, menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan beserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah sebelum permulaan September setiap tahun memberitahu Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk perbelanjaan secara amnya ataupun berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga bolehlah pada bila-bila masa menyerahkan anggaran tambahan untuk mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk di dalam anggaran tambahan itu.

Pinjaman dan biasiswa kepada pekerjanya.

26. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), Lembaga tidak boleh memberi pinjaman wang kepada seorang pekerjanya.

(2) Lembaga bolehlah memberi pinjaman wang kepada seorang pekerjanya untuk—

(a) pembelian, pembinaan, pengubahan, pengubah-suaian atau pembesaran rumah di mana ia tinggal atau berniat untuk tinggal;

(b) melepaskan gadaian atau sekatan di atas rumah itu;

(c) pembelian kenderaan; dan

(d) pembelian lain yang difikirkan wajar oleh Lembaga.

(3) Lembaga bolehlah, di mana ia berpuas hati bahawa keadaan yang khas atau keadaan ehsan wujud atau tujuannya sesuai, memberi pinjaman kepada seorang pekerjanya

atas terma-terma dan syarat-syarat Lembaga fikir wajar, wang tidak melebihi pada mana-mana ketika sejumlah tiga bulan saraan pekerja itu.

(4) Lembaga bolehlah menganugerahkan pinjaman pelajaran atau biasiswa kepada mana-mana pekerjanya atau mana-mana anak (termasuk anak tiri atau anak angkat) pekerja itu, atau mana orang yang sesuai, mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana diluluskan oleh Lembaga secara am dan atau di dalam kes tertentu.

Sekatan pemberian bantuan kewangan, pelaburan, dsb.

27. (1) Lembaga hendaklah, tidak tanpa kebenaran bertulis terdahulu dari Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri—

(a) menubuh atau menganjurkan penubuhan atau pembesaran syarikat-syarikat atau lain-lain badan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada di bawah kawalan atau separuh kawalan Lembaga sendiri atau secara bebas;

(b) memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, lain-lain pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana badan atau orang melalui pengambilan saham atau debentur atau melalui sebarang pinjaman, pendahuluan, geran, jaminan kewangan atau sebagainya;

(c) membeli, menanggung atau sebagainya memiliki apa-apa stok dan saham di dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian; atau

(d) meminjam wang atau memasuki sebarang jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Jika Lembaga menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1)*(a)* atau jika ianya mempunyai kawalan atau kawalan separuh sesuatu syarikat atau badan lain ahli-ahli pengurusan syarikat atau badan lain itu hendaklah mengandungi tidak kurang dari seorang ahli atau seorang pegawai dari Lembaga.

(3) Semasa memberi apa-apa persetujuan di bawah subseksyen (1) Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa jua terma-terma dan syarat-syarat seperti yang difikirkan sesuai olehnya.

(4) Tiada badan berkanun boleh ditubuhkan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang lain.

Pelaburan wang yang tidak dibelanjakan.

28. Tabung Lembaga itu bolehlah, setakat mana ianya tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga, dilaburkan mengikut apa-apa cara atau disimpan di mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Aset tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran.

29. Lembaga tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melupuskan, menanggalkan atau menukarkan bagi ganjaran lain mana-mana asetnya melainkan Menteri tersebut mengarahkan, samada secara khusus mengenai sesuatu aset, atau secara am mengenai mana-mana kategori aset, bahawa setelah mengambil kira nilai aset atau aset-aset itu yang rendah, kebenaran bertulis terlebih dahulu itu tidak perlu diperolehi:

Dengan syarat peruntukan ini hendaklah tidak terpakai kepada hal mengenai penjualan sebarang tanah yang telah diubahbahagikan kepada kilang, perumahan atau lot-lot kedai, tanpa mengira samada tanah tersebut bermaksud untuk dijual dengan sebarang bangunan dibina atasnya atau tidak.

Penyimpanan akaun.

30. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dengan sepatutnya akaun dan lain-lain rekod yang berkenaan dengan urusniaga dan hal-ehwalnya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah membuat segala yang perlu untuk memastikan bahawa semua pendapatan adalah dikira secara betul dan segala perbelanjaan daripada Tabung itu adalah dibenarkan secara betul dan kawalan yang mencukupi dikekalkan ke atas harta-hartanya atau ianya adalah di dalam simpanan Lembaga dan ke atas sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Lembaga.

(2) Menteri kewangan boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu untuk mencapai objektif subseksyen (1) dan untuk memastikan sistem sepatutnya pengurusan kewangan dan kawalan dan amalan di dalam Lembaga dan bertambah beliau boleh membuat peraturan-peraturan mengenai—

(a) pemungutan, penerimaan, penyimpanan, pengeluaran, perbelanjaan, menyimpan akaun untuk, pengawasan dan pengurusan semua pendapatan, pinjaman, amanah dan wang lain dan semua bon, debentur dan sekuriti lain yang dikutip dengan apa cara pun atau diterima oleh atau ke atas akaun Lembaga dan bagi panduan kesemua orang yang berkaitan dengannya;

(b) pelantikan pegawai-pegawai akaun Lembaga dan tanggungjawabnya bagi memastikan wang dan harta Lembaga adalah disimpan di bawah kawalan mereka pada setiap masa dan wang tersebut dibelanjakan dengan bijak, berekonomi dan sangat mengambil berat untuk nilai yang diterima;

(c) penyimpanan rekod, pemeriksaan dan naziran secara lebih efektif semua resit-resit dan perbelanjaan dan penyimpanan semua buku-buku dan akaun-akaun oleh Lembaga;

(d) borang-borang untuk semua buku-buku, pulangan-pulangan dan dokumen-dokumen yang apa sahaja diperlukan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;

(e) pembelian, penyimpanan selamat, pengeluaran, penjualan atau penghapusan lain atau pelupusan catel atau harta lain Lembaga dan simpanan akaun sepatutnya untuk sebarang pengiraan stok catel-catel dan harta tersebut; dan

(f) penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan oleh Lembaga.

Tahun kewangan dan akaun beraudit.

31. (1) Lembaga hendaklah mempunyai tahun kewangan yang bermula 1 Januari.

(2) Akaun itu hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juru audit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kebenaran Menteri Kewangan.

(3) Lembaga hendaklah dalam 6 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengauditkan akaun-akaunnya dan menghantar kepada Menteri Besar dan Menteri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juru audit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun-akaun Lembaga bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 33.

(4) Menteri Besar hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap kenyataan bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juru audit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun-akaun Lembaga dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 33 dibentangkan di dalam persidangan akan datang Dewan Undangan Negeri.

Siasatan terhadap akaun.

32. (1) Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku-buku, akaun dan urusniaga Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada orang itu akses kepada buku-buku, akaun dan dokumennya dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan:

Dengan syarat buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen itu tidak boleh dikehendaki dikemukakan pada masa-masa dan tempat-tempat yang akan mengganggu dengan penjalanan wajar perniagaan biasa sehari Lembaga.

Laporan Tahunan.

33. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan Menteri Besar suatu laporan menyentuh kegiatan-kegiatan Lembaga pada tahun yang lepas.

(2) Menteri Besar hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan tahunan itu dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

BAHAGIAN V

PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

Tanggungjawab untuk pembangunan perumahan dan hartanah dalam Negeri.

34. Lembaga hendaklah bertanggungjawab untuk pembangunan dan penggalakkan dan pemudahan pembangunan perumahan dan hartanah dalam Negeri.

Pemberian maklumat oleh pemaju perumahan.

35. (1) Lembaga boleh, bagi pentadbiran wajar Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan pembangunan perumahan, memberi apa-apa maklumat mengenai pembangunan itu kepada Lembaga yang difikirkannya patut.

(2) Pengarah Eksekutif boleh, melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau pemaju berlesen memberi dalam sesuatu tempoh tertentu apa-apa maklumat yang ditetapkan dalam notis.

(3) Mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut subseksyen (2) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk, melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Pendaftaran orang yang menjalankan pembangunan hartanah.

36. (1) Mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan pembangunan hartanah hendaklah, sebelum memulakan pembangunan itu, mendaftar dengan Lembaga.

(2) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah dalam borang seperti yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan—

(a) butir-butir aktiviti atau pembangunan yang dicadangkan; dan

(b) apa-apa fi seperti yang boleh ditetapkan.

Lembaga boleh mengusir dan mengambil alih harta.

37. (1) Lembaga, tertakluk kepada sebarang syarat yang dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 43, boleh—

(a) mengambil alih sebarang apartmen, rumah atau kediaman lain yang dijual oleh Lembaga; dan

(b) mengusir mana-mana orang dari sebarang premis yang disewakan dari Lembaga,

sekiranya pemilik atau penghuni yang dibenarkan itu melanggar apa-apa peruntukan peraturan itu.

(2) Jika Lembaga hendak menggunakan kuasa mengambil balik harta yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, Lembaga boleh mengambil balik harta itu menurut peruntukan undang-undang yang bertulis berkaitan dengan pengambilan balik tanah yang kini berkuatkuasa di dalam Negeri walaupun ganti rugi adalah dibayar dari Tabung Kewangan Lembaga.

(3) Perbelanjaan dan ganti rugi dalam hal pengambilan balik harta itu di bawah peruntukan seksyen ini hendaklah dibayar oleh pihak Lembaga.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Pemberian maklumat oleh pemaju hartanah atau penghuni.

38. (1) Lembaga boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana pemaju hartanah atau penghuni mana-mana premis mengikut keadaan, untuk memberi dalam sesuatu tempoh tertentu apa-apa maklumat yang ditetapkan dalam notis.

(2) Sesiapa yang gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut subseksyen (1) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk, melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Menghalang suatu kesalahan.

39. Sesiapa yang menghalang atau mengganggu Pengarah Eksekutif, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis dari melaksanakan yang ianya berhak melaksanakan menurut mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan di bawahnya melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Hak akses.

40. Semua pegawai Lembaga hendaklah, pada bila-bila masa munasabah, mempunyai hak memasuki dengan bebas ke sebarang tanah untuk tujuan melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Perlindungan daripada tanggungan peribadi.

41. Kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini, tiada pegawai Lembaga boleh terdedah kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau dakwaan oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa yang telah dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati lanjutan daripada atau dalam pelaksanaan yang diniatkan, mana-mana kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini.

Penggulungan.

42. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya Lembaga digulungkan dan dibubar.

(2) Apabila Lembaga dibubarkan, aset-aset Lembaga hendaklah selepas membayar semua tanggungan, dihapuskan mengikut mana-mana cara yang ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Peraturan.

43. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat apa-apa peraturan yang dirasakan perlu atau wajar untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan tanpa prejudis kepada keluasan yang disebut sebelum di atas, untuk kesemua atau mana-mana perkara berikut—

(a) operasi dan penjalanan wajar Lembaga;

(b) fungsi-fungsi dan tugas-tugas Pengarah Eksekutif, mana-mana pegawai dan jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga;

(c) penubuhan dan penyelenggaraan satu daftar mana-mana orang yang menjalankan pembangunan perumahan dan hartanah;

(d) untuk menetap yuran, bayaran dan lain-lain kadar;

(e) pengurusan kuantiti dan kualiti pembangunan perumahan dan hartanah;

(f) pengukuran, klasifikasi dan penyelenggaraan rekod-rekod kuantiti, kualiti atau ciri-ciri lain pembangunan perumahan dan hartanah;

(g) perancangan yang teratur, rekaan, pembinaan, pengurusan, operasi, pengawasan dan penyelenggaraan pembangunan perumahan dan hartanah yang dijalankan oleh Lembaga;

(h) klasifikasi dan peruntukan sebarang perumahan sebagai perumahan kos rendah atau perumahan awam;

(i) penyerahan laporan-laporan, akaun-akaun, statistik dan maklumat lain oleh pemaju-pemaju perumahan dan hartanah;

(j) syarat-syarat untuk mengambil alih perumahan yang dijual oleh Lembaga;

(k) syarat-syarat untuk mengusir mana-mana orang dari perumahan atau hartanah yang disewakan dari Lembaga;

(l) cara diperuntukkan rumah-rumah kepada pembeli-pembeli termasuk syarat-syarat, tatacara dan prosedur pembahagian itu;

(m) bayaran-bayaran, kos dan jumlah lain yang dikenakan untuk mana-mana perkara atau hal yang diperlukan atau diberikuasa dilakukan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;

(n) kutipan, pelepasan, rebet atau penangguhan bayaran mana-mana jumlah yang perlu dibayar di bawah Enakmen ini; dan

(o) untuk menetapkan semua perkara lain keseluruhannya untuk memberi kesan kepada peruntukan Enakmen ini:

Akta 380. Kecuali peraturan-peraturan itu adalah tidak tak konsisten dengan peruntukan Jadual Kedua, Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962.

Kesalahan dan penalti am.

44. Setiap peninggalan atau kelalaian dalam mematuhi, dan setiap perbuatan atau percubaan untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan berkenaan dengan kesalahan itu yang tiada hukuman diperuntukkan secara nyata pesalah itu hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 4(4))

PEMBATALAN ANGGOTA DAN MESYUARAT

Pembatalan Anggota.

1. (1) Seseorang hendaklah dibatalkan dari pelantikan atau sebagai anggota—

(a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabit atas pertuduhan yang berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang berhubung fraud, pecah amanah atau salahlaku moral;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara (dengan sendirinya atau sebagai tambahan atau gantian kepada denda) untuk lebih daripada dua tahun;

(b) jika dia seorang muflis; atau

(c) jika dia kurang siuman atau didapati tidak mampu untuk melaksanakan tugasnya.

(2) Mana-mana anggota hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia gagal untuk hadir mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis dari Pengerusi atau jika dibatalkan di bawah perenggan (1).

(3) Apabila mana-mana anggota berhenti menjadi anggota di atas sebab mana-mana peruntukan Enakmen ini, orang lain hendaklah dilantik untuk menggantikan tempatnya mengikut peruntukan yang diterima pakai dalam mana-mana hal orang yang tidak lagi menjadi anggota untuk jangkamasa residu orang itu mungkin memegang jawatannya sekiranya dia tidak berhenti menjadi ahli.

Mesyuarat.

2. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan.

(2) Korum di semua mesyuarat Lembaga hendaklah sekurang-kurangnya separuh daripada anggotanya dengan sekurang-kurangnya seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir kecuali korum hendaklah terdiri sekurang-kurangnya dua pertiga dengan sekurang-kurang seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir semasa sesuatu mesyuarat menimbang atau memutuskan perkara-perkara yang dirujuk di subseksyen 1*(a)* ke 1*(d)*, seksyen 27.

(3) Jika mana-mana mesyuarat Lembaga tidak dihadiri oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, anggota-anggota yang hadir hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan, terdapat persamaan undi, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, yang mungkin mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya terdahulu.

(5) Tertakluk kepada subperenggan-subperenggan (1), (2), (3) dan (4) Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat.

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Minit.

4. (1) Lembaga hendaklah menyenggarakan minit semua mesyuaratnya dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen-subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 7)

PENUBUHAN PERBADANAN

Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan berkenaan dengan perbadanan.

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 7, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

(a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;

(b) hak, kuasa, tugas dan fungsi perbadanan itu;

(c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan

(d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

Pengecualian.

2. Tiada apa-apa jua di perenggan 1 hendaklah disifatkan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan bagi menubuhkan sebarang perbadanan untuk apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkupnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, tugas kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Enakmen ini.

Peraturan tertakluk kepada Enakmen ini.

3. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 43, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu telah dibuat dan hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Enakmen ini.

Pindaan kepada peraturan.

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa membuat pindaan, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat terhadap mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1 dan seksyen 34 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah diterima pakai dalam mana-mana peraturan yang dipinda atau dibatalkan seolah-olah peraturan tersebut adalah undang-undang bertulis.

Akta 388.

Daftar perbadanan.

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 7 dan daftar itu, berserta dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

Penggulungan.

6. (1) Lembaga boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindahmilik kepada dan terletakhak pada Lembaga setelah segala tanggungannya ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau pengusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap perkara.

Meterai biasa perbadanan.

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru oleh perbadanan, dengan kelulusan Lembaga, sebagaimana yang didapati patut oleh perbadanan.

(2) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam penjagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu dan segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang seolah-olah dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebutkan, hendaklah dianggapkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(3) Apa-apa dokumen atau suratcara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pekerja atau ejen perbadanan tersebut yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KETIGA

(Subseksyen 18(4))

PEJABAT, JAWATANKUASA DAN JAWATANKUASA KECIL

Pejabat dan pejabat kecil.

1. (1) Pejabat Lembaga hendaklah berada di dalam ibu negeri atau di tempat seperti yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga berkenaan bolehlah menyenggara pejabat-pejabat kecil di tempat-tempat yang didapati perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsi-fungsinya.

Saraan dan elaun.

2. (1) Tiap-tiap anggota mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil atau mana-mana orang yang dijemput hadir apa-apa mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bolehlah dibayar elaun dan elaun perbelanjaan sebagaimana Lembaga dari semasa ke semasa menentukan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh menjemput mana-mana orang lain untuk mesyuarat.

3. (1) Mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bolehlah sebagaimana berkenaan, menjemput mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khusus yang berfaedah kepadanya, untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil itu.

(2) Tiada orang yang dijemput sedemikian boleh mempunyai hak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

Minit.

4. (1) Tiap-tiap jawatankuasa atau jawatankuasa kecil hendaklah menyenggarakan minit semua mesyuarat dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Kesahihan tindakan dan prosiding.

5. Tiada tindakan atau prosiding yang dijalankan di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas sebab—

(a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan di dalam keahlian, Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil;

(b) pelanggaran oleh mana-mana anggota atau anggota jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, berkaitan dengan pendedahan kepentingan oleh anggota itu; atau

(c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Diluluskan pada 1 November 2001.
[P.U. Sel. MESY/0101/B]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 14 of 2001

SELANGOR HOUSING AND REAL PROPERTY BOARD ENACTMENT 2001

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE BOARD

3. Establishment of the Selangor Housing and Real Property Board.
4. Membership of the Board.
5. Seal of the Board.
6. Functions and powers of the Board.
7. Power to establish corporation.
8. Delegation.
9. Directions by the Minister and the State Authority.
10. Information to State Authority.
11. Submission of projects to the State Authority.

PART III

EXECUTIVE DIRECTOR AND EMPLOYEES OF THE BOARD

12. Appointment of Executive Director and other employees.
13. Duties of the Executive Director.

Section

14. Board to determine conditions of service.

15. Discipline.

16. Disclosure of interest.

17. Board may adopt regulations, etc.

18. Establishment of committees.

19. Delegation of powers or functions.

20. Public servants for purposes of Penal code.

21. Application of Public Authorities Protection Act, 1948.

PART IV

FINANCE

22. Establishment of the Fund.

23. Gifts.

24. Borrowing powers.

25. Finance.

26. Loans and scholarships to officers and employees.

27. Restriction on giving of financial assistance, investment, etc.

28. Investment of unexpended funds.

29. Assets not to be disposed off without consent.

30. Keeping of accounts.

31. Financial year and audited accounts.

32. Investigation of accounts.

33. Annual Report.

PART V

DEVELOPMENT OF HOUSING AND REAL PROPERTY

34. Responsibility for housing and real property development within the State.

35. Furnishing of information by housing developer.

Section

36. Registration of persons engaged in real property development.

37. Board may evict and make compulsory acquisition.

PART VI

MISCELLANEOUS

38. Furnishing of information by developer of real property or occupier of premises.

39. Obstruction an offence.

40. Right of access.

41. Protection from personal liability.

42. Winding up.

43. Regulations.

44. General offence and penalty.

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

SELANGOR

ENACTMENT No. 14 of 2001

I ASSENT,

(STATE SEAL) SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

5 December 2001

An Enactment to establish the Selangor Housing and Real Property Board and matters connected therewith.

[ ]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

PART I

PRELIMINARY

1. (1) This Enactment may be cited as the Selangor Housing and Real Property Board Enactment 2001. Short title and commencement.

(2) This Enactment shall come into operation on such date as the State Authority may, by notification in the *Gazette*, appoint.

2. (1) In this Enactment, unless the context otherwise requires— Interpretation.

"Board" means the Selangor Housing and Real Property Board constituted under section 3;

"authorized occupier" means a person who is named in an application made to the Board as the person who intends to reside in the house, apartment or other accommodation sold or to be sold by the Board or any person who is authorized in writing by the Board to reside therein;

"Chairman" means the Chairman of the Board appointed under section 4 and includes the Deputy Chairman and a temporary Chairman while exercising the functions of the Chairman;

"corporation" means a corporation established under section 7;

"Executive Director" means the chief executive officer of the Board appointed under section 12 and includes any officer discharging the duties of the Executive Director;

"Fund" means the Fund established under Part IV;

"housing" includes any house, apartment, building or structure or any part thereof (whether completed or not) used or intended to be used as living accommodation;

"housing development" means to construct or cause to be constructed more than four units of housing on any land for sale;

"licensed developer" means a developer licensed under the Housing Developers (Control and Licensing) Act 1966; *Act 118.*

"low cost house" means any house, apartment or other living accommodation the sale price of which may be prescribed by the Board from time to time;

"Minister" means the Prime Minister or such Minister as may be designated by him;

"prescribed" means prescribed by regulations made under this Enactment;

"public authority" means any authority exercising powers vested in it by Federal or State law, or any person appointed by or acting on behalf of any such authority;

"public housing" means any house, apartment or other living accommodation including any housing development or part thereof as may be prescribed as such by the Board from time to time;

"real property" means any land on which any building is erected for commercial activity;

"State" means the State of Selangor.

(2) In this Enactment references to a house, apartment or other living accommodation shall be construed to include references to the land appurtenant to the house, apartment or other living accommodation.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE BOARD

Establishment of the Selangor Housing and Real Property Board.

3. (1) There shall be established a body corporate to be known as the "Selangor Housing and Real Property Board".

(2) The Board shall have perpetual succession and a common seal.

(3) The Board may sue and be sued in its name.

(4) Subject to and for the purposes of this Enactment, the Board may, upon such terms as the Board may deem fit—

(a) enter into contracts;

(b) acquire, purchase, take, hold, sell and enjoy movable or immovable property of every description; and

(c) convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of or deal with, any movable or immovable property or any interest therein vested in the Board.

Membership of the Board.

4. (1) The Board shall consist of the following members:

(a) the Menteri Besar who shall be the Chairman;

(b) the State Secretary who shall be the Deputy Chairman;

(c) three representatives of the State Government to be appointed by the State Authority;

(d) three representatives of the Federal Government to be appointed by the Minister;

(e) a representative of the housing developers to be appointed by the State Authority; and

(f) two representatives from related professional associations to be appointed by the State Authority.

(2) Subject to such conditions as may be specified in his instrument of appointment, a member of the Board other than those referred to in paragraphs *(c)* and *(d)* shall, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is sooner revoked, hold office for a term not exceeding two years and is eligible for reappointment.

(3) The members of the Board may be paid such remuneration or allowances as the State Authority may determine.

(4) The provisions of the First Schedule shall apply in respect of the Board and its members.

Seal of the Board.

5. (1) The common seal of the Board shall bear such device as the Board may approve and such seal may, from time to time, be broken, changed, altered or made anew as the Board thinks fit.

(2) Until a seal is provided by the Board, a stamp bearing the words "The Selangor Housing and Real Property

Board" may be used and shall be deemed to be the common seal of the Board.

(3) The common seal shall be kept in the custody of the Executive Director or any other person authorized by the Board and shall be authenticated by either the Chairman or such authorized person or by any officer authorized by the Chairman in writing.

(4) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (3) shall, until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(5) Notwithstanding subsection (4), any document or instrument which, if executed by a person who is not a body corporate, is not required to be under seal may in like manner be executed by the Board; and any such document or instrument may be executed on behalf of the Board by any member, employee or agent of the Board generally or specially authorized by the Board in that behalf.

(6) The common seal of the Board shall be officially and judicially noticed.

Functions and powers of the Board.

6. (1) The functions of the Board shall be to promote and undertake the development of housing and real property and in particular to—

(a) provide advice to the State Authority as to the policies, methods and measures to be adopted to promote and facilitate the development of housing and real property;

(b) facilitate the development of housing and real property in general and in particular public and low cost housing;

(c) implement and give effect to any policies or directives of the State Authority;

(d) develop, adopt and implement policies, guidelines, standards, methods and procedures pertaining to the development, management and allocation of public and low cost housing;

(e) undertake an inter agency coordinating role to enable accelerated development and implementation of housing and real property development;

(f) plan, develop, implement and promote the development, implementation, marketing and sales of housing and real property in general and in particular public and low cost housing;

(g) provide for the establishment and operation of trusts and for the vesting of property, rights and liabilities in such trusts;

(h) manage and undertake the operations and maintenance of housing areas including the facilities, infrastructure, places and equipment in such areas;

(i) promote, co-ordinate and implement research and development into all aspects of housing and real property and in particular for public and low cost housing;

(j) administer and manage the Fund;

(k) to be the resource and information center for real property and the housing industry; and

(l) adopt and implement policies, plans or projects by the Federal Government as directed by the State Authority.

(2) The Board shall have power to do all things reasonably necessary for or incidental to the discharge of its functions and in particular to—

(a) conduct surveys, carry out studies and collect information for the drawing up of development and management plans for housing and real property;

(b) maintain a register of any person carrying out housing and real property development;

(c) determine, adopt and implement standards, guidelines, and other measures to ensure the quality of housing and real property development;

(d) plan and implement housing and real property development and any works related thereto;

(e) subject to any written law, formulate and implement maintenance and related charges and fees for housing and real property and the use of facilities therein;

(f) formulate and implement measures to ensure that the management and maintenance of any building or works within any housing or real property development is carried out in accordance with any written law;

(g) prescribe and levy fees, payments, interests and other charges in relation to the performance of its functions and the exercise of its powers under this Enactment;

(h) construct, maintain, repair, restore, rehabilitate and use any structure, building or works within any housing or real property scheme;

(i) appoint or employ agents, technical advisors, consultants, contractors or other persons to transact any business or enter into contracts for the carrying out of any of its functions or duties or for sharing of profits or joint venture with any person or body of persons;

(j) undertake and co-ordinate activities relating to research and training for housing and real property development including the commissioning of any person or body to carry out such research and training;

Act 118.

(k) subject to the provisions of the Housing Developers (Control and Licencing) Act 1966, salvage, acquire, rescue, reassign or require any housing or real property developer or public agency to salvage, rescue or reassign any housing or real property development that is abandoned or is unduely delayed;

(l) determine the policies and guidelines for the allocation of housing in any housing development to buyers and implement such policies and guidelines;

(m) acquire by purchase, gift, deed, trust or otherwise and dispose of or otherwise deal with movable and immovable property and any interest therein, upon such terms and conditions as the Board may think fit;

(n) do or carry out any act as may appear to the Board requisite, advantageous or convenient to be transacted or done in the execution of its duties or the better carrying out into effect the purposes of this Enactment; and

(o) exercise all functions and powers and perform all duties which under or by virture of any other writen law may be vested or delegated to it.

Power to establish corporation.

7. The Board may from time to time, with the approval of the State Authority, after consultation with the Minister, establish a corporation in accordance with Schedule 2 to carry out the development and have the charge, conduct and management of any housing or real property scheme in execution of its duties and functions under section 6.

Delegation.

8. (1) The Board may, subject to such conditions, limitations or restrictions as it thinks fit, delegate to any committee, sub-committee, public authority or the Chairman, Deputy Chairman or Executive Director the

power and authority to carry out on its behalf such of its functions, duties and powers as the Board may determine to be performed inside or outside the State except the power to borrow money, raise loans or make regulations and any function, duty or power so delegated may be exercised or performed in the name and on behalf of the Board.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the Board may delegated to the Chairman, Deputy Chairman, Executive Director or any of its members, officers, committees or subcommittees, authority to sanction expenditure from the Fund or any other money under the control of the Board up to such limit as the Board shall in such case specify.

Directions by the Minister and the State Authority.

9. (1) The State Authority may, from time to time, give to the Board general directions, not inconsistent with this Enactment or the direction of the Minister under subsection (2), as may be necessary and the Board shall, as soon as possible, give effect to such directions.

(2) The Minister may give the Board any directions to be followed in the exercise and performance of its functions and the Board shall give effect to such directions.

(3) In addition to the duties imposed upon the Board by this Enactment, the Board may undertake such other functions, exercise such other powers and administer and expend such other monies for such purposes as the State Government or any statutory authority, after approval by the Federal Government, may assign or give and in so doing the Board shall be deemed to be fulfilling the purposes of this Enactment.

Information to State Authority.

10. The Board shall furnish to the State Authority such returns, reports, accounts and information with respect to its property and activities as the State Authority may from time to time require or direct.

Submission of projects to the State Auhority.

11. The Board shall from time to time prepare and submit to the State Authority proposals, plans and projects showing the nature of the work proposed to be executed and the State Authority may reject, modify or approve any such proposal, plan or project or any part thereof.

PART III

EXECUTIVE DIRECTOR AND EMPLOYEES OF THE BOARD

Appointment of Executive Director and other employees.

12. (1) The Board shall appoint an Executive Director on such terms and conditions as the Board may determine.

(2) The appointment of the Executive Director shall be with the prior approval of the State Authority.

(3) If during any period the Executive Director is for any reason unable to exercise the powers and duties of his office the Board may appoint any other fit and proper person to act as the Executive Director.

(4) The Board may appoint, on such terms and conditions as the Board may think desirable, such other employees as may be necessary for carrying out the purposes of this Enactment.

Duties of the Executive Director.

13. The Executive Director shall—

(a) be responsible for the proper administration and management of the Board;

(b) be responsible for the preparation of policies, plans, programs, schemes or projects for the consideration of the Board;

(c) be responsible for putting into execution, supervision and control of all policy decisions, plans, programs, schemes and projects approved by the Boards;

(d) exercise supervision and control over all other employees of the Board; and

(e) perform such duties and exercise such powers as may from time to time be determined or delegated by the Board or as the Chairman may direct.

Board to determine conditions of service.

14. (1) The employees of the Board shall hold office for such period, receive such remunerations, fees and allowances, and be subject to such conditions of service as may be determined by the Board with the approval of the State Authority.

(2) An employee of the Board shall not make use of any information acquired by virtue of his position as an employee of the Board to gain directly or indirectly an improper advantage for himself or for any other person or to cause detriment to the Board.

(3) The Board may, with the approval of the State Authority, make such regulations as it deems necessary or expedient to provide for the conditions of service of employees of the Board.

Discipline.

15. The Board shall have disciplinary authority over all its employees and shall exercise disciplinary control in respect of all such persons in accordance with the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) (Selangor) Enactment 2001. *En. 8/01.*

Disclosure of interest.

